



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM,
05604ALOR SETAR,
KEDAH DARULAMAN.



“MUAFKAT KEDAH”

Rujukan Kami : JPK.SPPK.US.600-4/3/9()
Tarikh : 3 Oktober 2017

Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah,
Negeri Kedah Darul Aman.

Tuan,

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN), PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD) DAN SEKOLAH TAHUN 2017

Dengan segala hormatnya surat KPM.100-1/7/2 Jld.4 (14) bertarikh 3 Oktober 2017 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Sukan Negara disambut pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun dalam pembentangan bajet 2015. Jesteru itu, pada tahun ini sambutan tersebut akan diadakan pada **14 Oktober 2017**. Sambutan Hari Sukan Negara ini merupakan suatu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagai satu langkah proaktif dalam menerapkan amalan budaya hidup cergas dan aktif dalam kalangan rakyat Malaysia.

3. Mendasari keputusan kerajaan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **menggalakkan** pelbagai aktiviti untuk dilaksanakan pada **14 Oktober 2017** di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan sekolah. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah adalah dimohon untuk menyokong dan melaksanakan aktiviti seperti aktiviti sukan, rekreasi, kecergasan, program sampingan atau aktiviti-aktiviti lain yang bersesuaian untuk dilaksanakan oleh pegawai, guru dan murid di semua peringkat. **Untuk makluman tuan, usaha ini adalah sebagai galakan penyertaan murid-murid dalam aktiviti yang dirancang dan akan diiktiraf dalam pemberian markah Pentaksiran Kokurikulum / Sukan [Rujukan KPM.100-1/7/2 (81) bertarikh 6 September 2016]**

4. Sehubungan dengan itu, sebagai tanda sokongan kepada program ini, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (JPN) akan mengadakan sambutan tersebut di peringkat negeri seperti ketetapan berikut ;

Tarikh : 14 Oktober 2017 (Sabtu)
Masa : 7.30 pagi – 12.00 tengahari
Tempat : SMK Mergong, Alor Setar
Perasmi : YAB Menteri Besar Kedah

“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

